



SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1985

SUKATAN PEPERIKSAAN KHAS UNTUK TUJUAN KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN BAGI SKIM-SKIM PERKHIDMATAN DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN

1. Tujuan

Tujuan surat pekeliling ini adalah untuk menjelaskan sukatan Peperiksaan Khas untuk tujuan kenaikan pangkat di dalam skim perkhidmatan yang baru.

2. Latar belakang

2.1 Kerajaan telahpun mengadakan dasar untuk memberi peluang kenaikan pangkat yang lebih luas kepada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam sesuatu kumpulan gaji kepada perkhidmatan-perkhidmatan kumpulan gaji yang lebih tinggi berdasarkan kepada pengalaman, kebolehan, dan rekod perkhidmatan yang cemerlang; untuk skim-skim tertentu. Sehubungan dengan dasar ini, maka beberapa skim perkhidmatan di dalam Kumpulan A, B dan C telah digubal semula dengan diperuntukkan Dasar Kenaikan Pangkat Secara Lantikan.

2.2 Skim perkhidmatan yang mempunyai dasar kenaikan pangkat secara lantikan telah menetapkan kelulusan Peperiksaan Khas sebagai salah satu syarat untuk tujuan kenaikan pangkat secara lantikan ke skim perkhidmatan yang lebih tinggi. Sehubungan dengan itu Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam (LPPA) telah meluluskan bentuk dan cara pelaksanaan Peperiksaan Khas ini bagi skim-skim Perkhidmatan Awam Persekutuan.

2.3 Surat Pekeliling ini hanyalah untuk menjelaskan Peperiksaan Khas ini sahaja. Segala keterangan berkenaan dengan syarat, peraturan dan sebagainya berhubung dengan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan ini hendaklah dirujuk kepada Skim-skim atau Pekeliling atau Arahan-arahan yang bersangkutan dengannya.

3. Tujuan Peperiksaan Khas

3.1 Peperiksaan Khas mempunyai tujuan-tujuan berikut:

- (i) Untuk menilai perwatakan seseorang pegawai dari segi potensinya untuk menjawat jawatan dalam perkhidmatan yang tinggi.
- (ii) Untuk menguji bakat seseorang pegawai untuk menjawat jawatan dalam perkhidmatan yang lebih tinggi.
- (iii) Untuk menguji kemahiran seseorang pegawai yang telah mempunyai pengalaman di dalam jawatannya dari segi kebolehannya menggunakan kemahiran dan pengalaman tersebut bagi menjalankan tugas-tugas yang lebih berat bila menjawat jawatan dalam skim yang lebih tinggi.

4. Bentuk dan Cara Pengendalian Peperiksaan Khas

4.1 Peperiksaan Khas untuk tujuan kenaikan pangkat secara lantikan dari skim Kumpulan C ke Kumpulan B dan dari Kumpulan B ke Kumpulan A mempunyai dua bahagian:

Bahagian I Ujian Bakat
Bahagian II Ujian Kemahiran.

- (ii) Untuk menguji bakat seseorang pegawai untuk menjawat jawatan dalam perkhidmatan yang lebih tinggi.
- (iii) Untuk menguji kemahiran seseorang pegawai yang telah mempunyai pengalaman di dalam jawatannya dari segi kebolehannya menggunakan kemahiran dan pengalaman tersebut bagi menjalankan tugas-tugas yang lebih berat bila menjawat jawatan dalam skim yang lebih tinggi.

4. Bentuk dan Cara Pengendalian Peperiksaan Khas

4.1 Peperiksaan Khas untuk tujuan kenaikan pangkat secara lantikan dari skim Kumpulan C ke Kumpulan B dan dari Kumpulan B ke Kumpulan A mempunyai dua bahagian :

Bahagian I Ujian Bakat
Bahagian II Ujian Kemahiran

4.2 Bahagian II (Ujian Kemahiran) merupakan subjek Umum perlu diambil oleh semua pegawai dan semua skim perkhidmatan yang layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat secara lantikan. Ia dikendalikan sepenuhnya oleh LPPA, Jabatan Perkhidmatan Awam. Sukatan peperiksaan Bahagian I (Ujian Bakat) ini adalah seperti di [Lampiran "A"](#) dan [Lampiran "B"](#). Calon yang ingin memasuki peperiksaan Bahagian I (Ujian Bakat) hendaklah terlebih dahulu lulus peperiksaan Bahagian II (Ujian Kemahiran).

4.3 Bahagian II (Ujian Kemahiran) merupakan subjek yang khusus untuk sesuatu skim perkhidmatan. Misalnya, skim perkhidmatan Pegawai Tadbir Am memperuntukkan bahawa Pegawai Kerja, Penolong Penguasa Imigresen, Penolong Pegawai Pendaftaran, Penolong Pegawai Pengangkutan Jalan, Pegawai Pekerjaan dan Pegawai Kanan Penempatan yang berada di dalam Tingkatan Kanan dan ke atas boleh memohon jawatan Pegawai Tadbir Am dengan syarat lulus, Peperiksaan Khas . Dengan itu sekiranya pegawai berkenaan ingin memohon jawatan Pegawai Tadbir Am mereka hendaklah terlebih dahulu memasuki dan lulus peperiksaan Bahagian II (Ujian Kemahiran) khusus untuk skim Pegawai Tadbir Am. Peperiksaan Ujian Kemahiran untuk memasuki perkhidmatan Pegawai Tadbir Am adalah di kendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai Ketua Perkhidmatan Pegawai tadbir Am .Selepas lulus peperiksaan bahagian II (Ujian Kemahiran) mereka dikehendaki pula memasuki dan lulus peperiksaan bahagian I (Ujian Bakat) yang dikendalikan oleh LPPA .Begitu juga misalnya Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Pos memperuntukkan bahawa Pegawai Kerani Pos di dalam Tingkatan Kanan boleh memohon jawatan tersebut dengan syarat lulus Peperiksaan Khas . Dengan demikian Pegawai Kerani Pos yang layak dan ingin memohon jawatan Penolong Pegawai Pos hendaklah terlebih dahulu memasuki dan lulus peperiksaan Bahagian II (Ujian Kemahiran) khusus untuk Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Pos yang dikendalikan oleh jabatan Pos. Setelah lulus mereka dikehendaki pula memasuki peperiksaan Bahagian I (Ujian Bakat) yang dikendalikan oleh LPPA.

4.4 Jabatan-jabatan yang mempunyai skim perkhidmatan yang memperuntukkan kenaikan pangkat secara lantikan yang masih belum menyediakan sukatan peperiksaan Bahagian II (Ujian Kemahiran) hendaklah dengan seberapa segera menyediakan sukatan berkenaan untuk kelulusan LPPA, Jabatan Perkhidmatan Awam dan seterusnya diedarkan.

9. Lain-lain Hal

9.1. Cawangan Peperiksaan Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan dua buah Buku

Panduan mengenai Bahagian I (Ujian Bakat). Buku-buku tersebut ialah "Panduan Peperiksaan Khas Kenaikan Pangkat Secara Lantikan ke Skim Kumpulan A (Ujian Bakat)" dan "Panduan Peperiksaan Khas Kenaikan Pangkat Secara Lantikan ke Skim Kumpulan B (Ujian Bakat)". Buku-buku Panduan ini akan diberikan kepada calon-calon yang mendaftar memasuki Peperiksaan Bahagian I (Ujian Bakat).

(MOHD. NOORANI BIN KAMARUN),
Bahagian Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
b.p. Malaysia.

18hb Januari, 1985.

Pembahagian
Semua Ketua Setiausaha Kementerian,
Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

s.k.:
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri,
Semua Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun,
Semua Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.

SUKATAN PEPERIKSAAN KHAS *BAHAGIAN I (UJIAN BAKAT) UNTUK MEMASUKI SKIM PERKHIDMATAN KUMPULAN A BAGI CALON-CALON DARI SKIM KUMPULAN B MELALUI KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN*

- | | |
|------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. Matlamat Peperiksaan Khas---Ujian Bakat | (i) Untuk mengukur kesesuaian seseorang pegawai dari segi potensinya untuk menjawat jawatan dalam skim perkhidmatan yang lebih tinggi.

(ii) Untuk menguji bakat seseorang pegawai untuk menjawat jawatan dalam skim perkhidmatan yang lebih tinggi. |
| 2. Prinsip Umum dalam Ujian Bakat | Peperiksaan ini mengandungi soalan-soalan yang calon boleh menjawab berdasarkan pengalaman kerjanya, kecekapan, kematangan fikiran, kecerdasan otak dan kebolehan menyelesaikan masalah. |
| 3. Pegawai-pegawai yang berkelayakan mengambil Ujian Bakat | (i) Pegawai-pegawai di dalam skim Kumpulan B yang berada di dalam gred Tingkatan Kanan dan ke atas.

serta;

(ii) Telah lulus Kertas Ujian Kemahiran yang dianjurkan oleh Jabatan-jabatan berkenaan. |
| 4. Sukatan Ujian Bakat | Ujian Bakat ini adalah terbahagi kepada tiga seksyen iaitu: Seksyen A, B dan C. |

SEKSYEN A---DAYA MENYELESAIKAN MASALAH

Tajuk-tajuk yang dirangkumi di bawah Seksyen ini adalah seperti berikut:

(i) *Taakulan Logik*

Calon-calon akan diberi kenyataan-kenyataan atau karangan-karangan pendek dan dikehendaki menganalisa, membuat "interpretasi" atau membuat kesimpulan terhadap sesuatu kenyataan atau karangan tersebut dengan menggunakan logik.

(ii) *Kes dan Prinsip*

Calon-calon akan diberi satu kenyataan mengenai fakta atau kes dan diikuti dengan beberapa prinsip undang-undang, peraturan atau dasar yang sebenar atau yang direka. Calon-calon diuji kebolehannya menggunakan prinsip-prinsip itu di dalam menyelesaikan masalah.

(iii) *Taakulan dan Berfikir secara Kritik*

Calon-calon akan diberi beberapa kes berhubung dengan masalah pentadbiran dan dikehendaki mencari penyelesaian kepada kes

tersebut.

(iv) *Keesahan Kesimpulan*

Calon-calon diberi beberapa kes di mana setiap kes itu mengandungi kesimpulan berhubung dengan kes itu. Calon-calon dikehendaki menentukan fakta-fakta berkaitan yang mempengaruhi sesuatu kesimpulan tersebut.

SEKSYEN B---KEFAHAMAN

Tajuk-tajuk yang dirangkumi di bawah Seksyen ini adalah seperti berikut:

(i) *Kefahaman Bacaan*

Calon-calon akan diberi 3 (tiga) keratan karangan yang panjangnya lebih kurang 300 patah perkataan. Calon diuji kefahaman dan pengertiannya terhadap keratan yang diberi.

(ii) *Kebolehan Mengarang*

Calon-calon akan diuji kebolehannya untuk mengesan kesalahan-kesalahan yang terdapat daripada ayat-ayat atau kenyataan yang diberi. Ayat-ayat atau kenyataan yang diberi mungkin mengandungi kesalahan dari segi nahu, struktur ayat atau tatabahasa. Calon-calon juga dikehendaki memenuhi ruang-ruang kosong dengan perkataan-perkataan yang sesuai dari segi penggunaan bahasa yang betul.

SEKSYEN C---PENGANALISAAN DATA DAN DAYA MEMBUAT KEPUTUSAN

Tajuk-tajuk yang dirangkumi di bawah Seksyen ini adalah seperti berikut:

(i) *Interpretasi Data.*

Calon-calon akan diberi data-data dalam bentuk perangkaan, graf dan carta-carta. Calon-calon dikehendaki mencari maklumat yang tersirat dari data-data tersebut. Untuk mendapat maklumat yang dikehendaki itu, calon-calon tidak perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam bidang perangkaan.

(ii) *Pertimbangan Praktik*

Calon-calon akan diberi satu kajian kes yang sebenar atau yang direka. Calon-calon dikehendaki menganalisa fakta-fakta di dalam kes tersebut dan membuat penjenisan terhadap fakta-fakta tersebut.

Masa keseluruhan : 4 jam.

Calon-calon *tidak dibenarkan* membuat rujukan kepada apa-apa bahan bacaan.

- | | | | | | |
|-----|--------------------------------------|-----|-----|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------|
| 5. | Tujuan Peperiksaan | ... | ... | ... | Untuk kelayakan masuk ke skim Kumpulan A melalui kenaikan pangkat secara lantikan. |
| 6. | Kelulusan | ... | ... | ... | Lulus / Kandas. |
| 7. | Pemeriksa | ... | ... | ... | Akan ditetapkan oleh Panel Subjek Lembaga. |
| 8. | Bahasa : (soalan dan jawapan) | ... | ... | ... | Bahasa Malaysia. |
| 9. | Permohonan dikemukakan kepada | ... | ... | ... | Cawangan Peperiksaan, Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kuala Lumpur. |
| 10. | Pusat Peperiksaan | ... | ... | ... | Akan ditetapkan oleh Cawangan Peperiksaan, Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam. |
| 11. | Keseringan Peperiksaan | ... | ... | ... | Sekali setahun. |
| ... | | | | | |
| 12. | Tarikh akhir mengemukakan permohonan | ... | ... | ... | Sebulan sebelum tarikh peperiksaan. |

LAMPIRAN "B"

SUKATAN PEPERIKSAAN KHAS *BAHAGIAN I (UJIAN BAKAT) UNTUK MEMASUKI SKIM PERKHIDMATAN KUMPULAN B BAGI CALON-CALON DARI SKIM KUMPULAN C MELALUI KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN*

- | | | | |
|-----|---------------------------------------------------------|------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. | Matlamat Peperiksaan Khas---Ujian Bakat | (i) | Untuk mengukur kesesuaian seseorang pegawai dari segi potensinya untuk menjawat jawatan dalam skim perkhidmatan yang lebih tinggi. |
| | | (ii) | Untuk menguji bakat seseorang pegawai untuk menjawat jawatan dalam skim perkhidmatan yang lebih tinggi. |
| 2. | Prinsip Umum dalam Ujian Bakat | | Peperiksaan ini adalah mengandungi soalan-soalan yang calon boleh menjawab berdasarkan pengalaman kerjanya, kecekapan, kematangan fikiran, kecerdasan otak dan kebolehan menyelesaikan masalah. |
| ... | | | |
| 3. | Pegawai-pegawai yang berkelayakan mengambil Ujian Bakat | (i) | Pegawai-pegawai di dalam skim Kumpulan C yang berada di dalam gred Tingkatan Kanan dan ke atas. |
| ... | | | |
| | | | serta; |
| | | (ii) | Telah lulus Kertas Ujian Kemahiran yang dianjurkan oleh Jabatan-jabatan berkenaan. |
| 4. | Sukatan Ujian Bakat | ... | Ujian Bakat ini adalah terbahagi kepada tiga seksyen iaitu: Seksyen A, B dan C. |
| ... | | | |

SEKSYEN A---DAYA MENYELESAIKAN MASALAH

Tajuk-tajuk yang dirangkumi di bawah Seksyen ini adalah seperti berikut:

(i) *Taakulan Logik*

Calon-calon akan diberi kenyataan-kenyataan atau karangan-karangan pendek di mana calon-calon dikehendaki menganalisa, membuat

"intepretasi" atau membuat kesimpulan terhadap sesuatu kenyataan atau karangan tersebut dengan menggunakan logik.

(ii) *Kes dan Prinsip*

Calon-calon akan diberi satu kenyataan mengenai fakta atau kes dan diikuti dengan beberapa prinsip undang-undang, peraturan atau dasar yang direka. Calon-calon diuji kebolehannya menggunakan prinsip-prinsip itu di dalam menyelesaikan masalah.

(iii) *Keesahan Kesimpulan*

Calon-calon diberi beberapa kes di mana setiap kes itu mengandungi kesimpulan berhubung dengan kes itu. Calon-calon dikehendaki menentukan fakta-fakta berkaitan yang mempengaruhi sesuatu kesimpulan tersebut.

SEKSYEN B---KEFAHAMAN

Tajuk-tajuk yang dirangkumi di bawah Seksyen ini adalah seperti berikut:

(i) *Kefahaman Bacaan.*

Calon-calon akan diberi 3 (tiga) keratan karangan yang panjangnya lebih kurang 300 patah perkataan. Calon diuji kefahaman dan pengertiannya terhadap keratan yang diberi.

(ii) *Kebolehan Mengarang*

Calon-calon akan diuji kebolehannya untuk mengesan kesalahan-kesalahan yang terdapat daripada ayat-ayat atau kenyataan yang diberi. Ayat-ayat atau kenyataan yang diberi mungkin mengandungi kesalahan dari segi nahu, struktur ayat atau tatabahasa. Calon-calon juga dikehendaki memenuhi ruang-ruang kosong dengan perkataan-perkataan yang sesuai dari segi penggunaan bahasa yang betul.

SEKSYEN C---PENGANALISAAN DATA DAN DAYA MEMBUAT KEPUTUSAN

Tajuk-tajuk yang dirangkumi di bawah Seksyen ini adalah seperti berikut:

(i) *Interpretasi Data*

Calon-calon akan diberi data-data dalam bentuk perangkaan, graf dan carta-carta. Calon-calon dikehendaki mencari maklumat yang tersirat dari data-data tersebut. Untuk mendapat maklumat yang dikehendaki itu, calon-calon tidak perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam bidang perangkaan.

(ii) *Pertimbangan Praktik*

Calon-calon akan diberi satu kajian kes yang

sebenar atau yang direka. Calon-calun dikehendaki menganalisa fakta-fakta di dalam kes tersebut dan membuat penjenisan terhadap fakta-fakta tersebut.

Masa keseluruhan : 4 jam.

Calon-calun *tidak dibenarkan* membuat rujukan kepada apa-apa bahan bacaan.

- | | | | | | |
|-----|--------------------------------------|-----|-----|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------|
| 5. | Tujuan Peperiksaan | ... | ... | ... | Untuk kelayakan masuk ke skim Kumpulan B melalui kenaikan pangkat secara lantikan. |
| 6. | Kelulusan | ... | ... | ... | Lulus / Kandas. |
| 7. | Pemeriksa | ... | ... | ... | Akan ditetapkan oleh Panel Subjek Lembaga. |
| 8. | Bahasa : (soalan dan jawapan) | ... | ... | ... | Bahasa Malaysia. |
| | ... | | | | |
| 9. | Permohonan dikemukakan kepada | | | | Cawangan Peperiksaan, Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kuala Lumpur. |
| | ... | | | | |
| 10. | Pusat Peperiksaan | ... | ... | ... | Akan ditetapkan oleh Cawangan Peperiksaan, Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam. |
| 11. | Keseringan Peperiksaan | ... | ... | ... | Sekali setahun. |
| 12. | Tarikh akhir mengemukakan permohonan | | | | Sebulan sebelum tarikh peperiksaan. |